

SIARAN MEDIA
Untuk Siaran Segera
5 November 2025

Untung Bersih SD Guthrie Melonjak Melebihi RM2 bilion Setakat Suku Ketiga Tahun Kewangan 2025

- *Sumbangan padu daripada operasi Huluan di Papua New Guinea memacu keuntungan lebih tinggi*
- *Segmen Pembangunan Perindustrian catat keuntungan sejak mula diperkenalkan*

Petaling Jaya, 5 November 2025 – SD Guthrie Berhad (Guthrie atau Syarikat), mencatat keuntungan bersih melebihi RM2 bilion bagi tempoh sembilan bulan berakhir 30 September 2025 (9M FY2025), 44% lebih tinggi berbanding tempoh yang sama sebelumnya. Prestasi tersebut didorong oleh sumbangan kukuh daripada segmen Huluan yang mencatat peningkatan keuntungan sebelum faedah dan cukai (PBIT) dari tahun ke tahun (YoY) sebanyak 53%, serta sumbangan positif daripada segmen Pembangunan Perindustrian.

Untung bersih dalam suku ketiga tahun kewangan (3Q FY2025) meningkat 22% YoY kepada RM935 juta, berbanding RM766 juta yang dicatatkan pada 3Q FY2024. Purata harga minyak sawit mentah (MSM) dan isirong sawit (PK) yang lebih tinggi serta peningkatan produktiviti dalam segmen Huluan telah memacu pencapaian tersebut. Sementara itu, prestasi menggalakkan daripada operasi Huluan Syarikat di Papua New Guinea (PNG), Kepulauan Solomon (SI), dan Malaysia turut menyumbang kepada peningkatan pengeluaran tandan buah segar (FFB) Syarikat.

SD Guthrie International (SDGI), segmen Hiliran Syarikat, mencatat margin keuntungan lebih tinggi bagi operasi pukal di Asia Pasifik serta peningkatan permintaan produk di rantau Oceania yang menghasilkan PBIT sebanyak RM154 juta pada 3Q FY2025, 18% lebih tinggi berbanding RM130 juta pada 3Q FY2024.

Segmen Pembangunan Perindustrian turut mencatat prestasi yang memberangsangkan. Segmen tersebut meraih keuntungan daripada jualan tanah kepada Eco Business Park 7 Sdn Bhd, iaitu satu usaha sama antara Guthrie, Eco World Development Group Berhad dan NS Corporation untuk membangunkan taman perindustrian bersepadu di tanah seluas 1,195 ekar di Bukit Pelandok, Negeri Sembilan. Keuntungan tersebut menyumbang kepada PBIT sebanyak RM432 juta yang dicatat segmen tersebut pada 3QFY2025.

Sorotan Utama

	3Q FY2025	3Q FY2024	YoY +/(–)	9M FY2025	9M FY2024	YoY +/(–)
Hasil (RM juta)	5,411	5,267	3%	15,397	14,574	6%
PBIT Berulang (RM juta)	1,264	1,151	10%	2,886	2,156	34%
Untung Bersih (RM juta)	935	766	22%	2,007	1,392	44%
Harga CPO Direalisasikan (RM/MT)	4,210	3,949	7%	4,292	3,957	8%
Pengeluaran FFB (MT juta)	2.30	2.29	1%	6.59	6.46	2%
Kadar Pengekstrakan Minyak (OER) (%)	21.08	20.85	0.23	21.15	20.95	0.20

Pengerusi, Tan Sri Dr Nik Norzrul Thani Nik Hassan Thani berkata:

"Guthrie telah berjaya menunjukkan daya tahan dan kebolehsuaian dalam mengharungi persekitaran operasi global yang tidak menentu. Ini jelas mencerminkan usaha gigih dan dedikasi warga kerja kami untuk membangunkan organisasi ini sehingga ke tahap sekarang. Dengan asas kukuh ini, saya percaya bahawa Guthrie akan meneruskan momentum ini untuk mencapai pertumbuhan yang mampan bagi menghasilkan nilai jangka panjang kepada pemegang berkepentingan kami."

Pengarah Urusan Kumpulan, Datuk Mohamad Helmy Othman Basha berkata:

"Mencapai kedudukan pertama dalam penilaian SPOTT adalah sesuatu yang membanggakan bagi semua warga Guthrie. Kami telah bekerja keras dengan penuh integriti kerana kami percaya bahawa prinsip pembangunan mampan harus diamalkan oleh semua cabang perniagaan Syarikat. SPOTT memberi fokus kepada ketelusan rantai bekalan dan membolehkan semua pihak bekerjasama untuk memajukan piawaian industri dan memupuk penciptaan nilai."

Pada masa yang sama, kami teruja menyaksikan kemajuan yang bermakna dalam segmen perniagaan baharu kami, terutamanya Pembangunan Perindustrian. Walaupun ini adalah segmen baharu bagi kami, kami komited untuk memacu ke hadapan melalui kekuatan sinergi pelbagai kerjasama strategik kami. Ini mencerminkan usaha proaktif Guthrie dalam menyiapkan Syarikat bagi menghadapi cabaran masa depan serta menghasilkan nilai jangka panjang merentas sektor perniagaan berkaitan."

Dalam usaha memperkukuhkan kestabilan cabang-cabang perniagaan baharu kami yang masih berkembang, kami tetap fokus kepada operasi teras kami. Kecemerlangan operasi merentasi rantai nilai bersepadu akan terus menjadi pemacu utama prestasi mampan bagi Syarikat pada masa hadapan."

TINJAUAN UNTUK FY2025:

Dalam jangkamasa terdekat, harga MSM akan disokong secara positif oleh jangkaan bekalan yang lebih terhad apabila industri memasuki kitaran musim pengeluaran rendah. Walaupun daya saing harga minyak sawit semakin berkurangan berbanding minyak sayuran lain, permintaan dijangka kekal berdaya tahan, apabila Indonesia mengesahkan rancangan untuk melancarkan mandat biodiesel B50. Walau bagaimanapun, ketidaktentuan dalam pasaran minyak sayuran berkemungkinan berterusan akibat tekanan makroekonomi, peralihan dasar dan peraturan serta ketidaktentuan perdagangan global.

Dengan dorongan momentum positif daripada cabang-cabang perniagaan baharu, Syarikat sedang giat memajukan beberapa kerjasama yang berpotensi. Inisiatif-inisiatif ini dijangka akan mengukuhkan lagi kedudukan Syarikat dalam sektor Pembangunan Perindustrian dan Tenaga Boleh Diperbaharui, dengan fokus yang jelas untuk meraih nilai daripada aset bank tanah strategiknya.

Dengan mengambil kira keadaan semasa dan tanpa sebarang halangan di luar jangkaan, Syarikat optimistik akan mencapai prestasi yang kukuh bagi tahun kewangan 2025.

*Nota: *SPOTT adalah inisiatif oleh Zoological Society of London (ZSL), SPOTT meneliti dan menilai syarikat-syarikat minyak sawit, perhutanan tropika dan getah asli setiap tahun berdasarkan lebih 100 penunjuk berhubung alam sekitar, sosial and tadbir urus (ESG) untuk menanda aras kemajuan mereka dari semasa ke semasa*

Mengenai SD Guthrie Berhad

SD Guthrie Berhad (Guthrie) ialah syarikat global terkemuka dan bertanggungjawab dalam sektor pengeluaran Minyak Sawit Disahkan Mampan (CSPO). Dengan tenaga kerja melebihi 80,000 orang, kami memenuhi keperluan pengguna dan pelbagai jenama makanan di 86 buah negara. Minyak sawit yang kami hasilkan adalah bebas daripada penebangan hutan dan boleh dikesan sumber asalnya.

Dengan sejarah penubuhan melangkaui 200 tahun, kami kini merupakan peneraju inovasi yang membangunkan generasi baharu robotik serta penyelesaian berasaskan teknologi bagi sektor minyak sawit dan perniagaan tani. Kami turut memenuhi permintaan bagi tenaga boleh diperbaharu melalui pembangunan projek solar dan taman perindustrian berprestasi tinggi, sambil memanfaatkan kepimpinan kami dalam kelestarian untuk membina lebih banyak kejayaan serta perniagaan yang siap siaga menghadapi masa depan.

Kelestarian adalah teras kepada segala yang kami lakukan. Sebagai syarikat minyak sawit pertama dunia dengan sasaran pengurangan gas rumah hijau bersih-sifar yang diluluskan oleh Science Based Targets initiative (SBTi), kami melangkaui dan meningkatkan penanda aras sedia ada melalui rangka kerja kelestarian Beyond Zero, demi memacu perubahan yang bermakna dalam sektor industri kami.

Guthrie mengendalikan 234 ladang sawit di Malaysia, Indonesia, Papua New Guinea, dan Kepulauan Solomon, yang disokong oleh 11 kilang penapisan dengan jumlah kapasiti tahunan sebanyak empat juta tan metrik. Kami menghasilkan 12% daripada jumlah keseluruhan CSPO di dunia. Kami juga menghasilkan dan menjual pelbagai derivatif minyak sawit seperti oleokimia, biodiesel, dan nutraseutikal, serta giat membangun dan mengkomersialkan benih sawit berprestasi tinggi dan lebih berdaya tahan terhadap cabaran perubahan iklim.

Disenaraikan di Bursa Malaysia (KLSE: SDG) dengan modal pasaran sebanyak RM36.65 bilion (USD8.72 bilion) setakat 4 November 2025, Guthrie adalah salah satu syarikat strategik milik Permodalan Nasional Berhad, syarikat amanah saham terbesar di Malaysia dan pemegang saham utama kami. Kami turut disokong oleh beberapa institusi pelaburan besar yang lain seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.sdguthrie.com.

Atau Hubungi:

- **Hafiz Noor, Ketua, Komunikasi Strategik**
Tel: +6019-424 8283 | E-mail: hafiznoor@sdguthrie.com
- **Azneal Azam, Ketua, Konten & Saluran Penyiaran**
Tel: +6016-337 6160 | E-mail: azneal.azam@sdguthrie.com